

Peribahasa melalui Aspek Nilai Murni Pelajar Korea

Normaliza Abd Rahim, Kim Jang-Gyem & Sonezza Ladyanna

Abstrak

Peribahasa merupakan budaya Melayu yang telah dimulakan sejak zaman dahulu lagi dan digunakan oleh orang tua untuk mengajar anak-anak kecil. Kini peribahasa dipelajari bermula dari peringkat sekolah rendah dan diharapkan dapat memberi kesedaran kepada mereka. Objektif makalah ini adalah untuk mengenal pasti serta membincangkan jenis peribahasa yang mengandungi nilai murni dalam kalangan pelajar Korea. Kajian ini melibatkan enam puluh peribahasa Melayu yang diperkenalkan kepada tiga kelas bahasa Melayu-Indonesia di Hankuk University of Foreign Studies, Korea. Empat puluh peribahasa telah dikenal pasti oleh pelajar Korea tidak mempunyai nilai murni yang berkaitan dengan kehidupan mereka, manakala dua puluh peribahasa dikenal pasti mempunyai nilai murni dan dapat dikaitkan dengan kehidupan sehari-hari pelajar. Sampel kajian terdiri daripada empat puluh dua pelajar Korea, lelaki dan perempuan berumur 22 hingga 27 tahun, yang mengambil jurusan bahasa Melayu-Indonesia sebagai bidang major. Pelajar diterangkan mengenai setiap peribahasa tersebut dan mereka telah cuba untuk menggunakan peribahasa dalam ayat sendiri. Pelajar juga dapat memberikan penjelasan yang jelas mengenai peribahasa tersebut dan mereka telah dapat mengenal pasti nilai murni yang terdapat dalam peribahasa. Nilai murni yang dikaitkan dengan peribahasa tersebut telah dikenal pasti penggunaannya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kajian ini mengambil masa selama tiga minggu di mana pelajar mengambil bahagian dalam pengolahan ayat dan perbincangan dalam kumpulan kecil. Keputusan kajian mendapati bahawa pelajar dapat memahami akan fungsi dan erti peribahasa Melayu tersebut dan dapat mengaitkan dengan kehidupan mereka.

sendiri. Adalah diharapkan supaya kajian akan datang dapat memberi tumpuan kepada nilai estetika dalam peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar Korea.

Kata kunci peribahasa Melayu, nilai murni, pelajar Korea, budaya Melayu, kesedaran

Abstract

Malay proverbs were introduced since ages ago and were used among parents and the elderly in order to teach the younger generations. Now, the Malay proverbs were taught in primary schools and was hoped to create awareness among them. The objectives of this study were to identify and discuss the good values in the Malay proverbs among Korean students. This study involved sixty Malay proverbs that were introduced to three classes of Malay-Indonesia at Hankuk University of Foreign Studies, Korea. Twenty Malay proverbs were identified with good values and reflected the daily lives of the students. The samples of the study consisted of forty two male and female subjects aged between 22 to 27 years old who undertook the Malay-Indonesia as their major. The subjects were taught and explained about the usage of the Malay proverbs. They were able to use the Malay proverbs in sentences and relate it with their everyday lives. This study was taken place in three weeks where the subjects took part in constructing sentences and small group discussion. The results of the study revealed that the subjects understood the functions and meaning of the Malay proverbs and able to relate with their everyday lives. It is hoped that future research concentrate on the esthetic values in the Malay proverbs among Korean learners.

Keywords Malay proverbs, good values, Korean students, Malay culture, awareness

Pengenalan

Peribahasa merupakan salah satu cara penyampaian maklumat dengan menggunakan bahasa yang halus serta memerlukan pengertian yang mendalam. Peribahasa Melayu adalah penting dalam kehidupan sehari-hari masyarakat di mana peribahasa ini digunakan

untuk memberi kesedaran kepada kesilapan dan alpa diri dalam menghadapi masalah yang timbul (Za'ba, 1962, 1965; Harun Mat Piah, 1989). Peribahasa Melayu sedikit sebanyak dapat membantu dalam kehidupan masyarakat sejak dari kecil lagi dan penyebaran nilai yang baik ini dapat meningkatkan keyakinan diri. Walaupun peribahasa diperkenalkan sejak dahulu lagi, namun ianya masih diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah sehingga kini. Adalah terbukti bahawa penggunaan peribahasa masih lagi berleluasa dalam kalangan pelajar sekolah dan masyarakat di mana berita di akhbar masih kerap menggunakan peribahasa dalam memberi maklumat yang memerlukan pemikiran yang kritis. Penyampaian peribahasa ini dapat memberi impak yang positif kerana pengertian setiap peribahasa itu dapat difahami dengan jelas mengikut kehendak keadaan pada masa itu. Hal ini dapat memberi kesedaran kepada semua pihak yang membaca atau mendengar peribahasa tersebut. Bertitik tolak dari itu, terdapat pelbagai kajian mengenai peribahasa dilakukan dengan teliti bagi tujuan penyebaran budaya Melayu serta nilai budi Melayu. Kajian peribahasa dapat membantu penyelidik dalam pemahaman serta budaya masyarakat dari negara lain dengan dalam kaitan peribahasa Melayu.

Kajian Adenan Ayob (2012) memperlihatkan fungsi peribahasa yang berunsurkan manifestasi alam dan tanaman. Kajian ini memberi manfaat kepada masyarakat dalam menikmati serta memberi kesedaran terhadap alam dan tanaman kurniaan Tuhan. Peribahasa yang dikaji dapat memberikan impak yang tinggi terhadap masyarakat dari pelbagai tahap umur dalam memahami dan meluahkan perasaan mengenai alam dan tanaman serta gaya penyampaian peribahasa yang begitu bermakna kepada mereka. Kajian oleh Mashetoh Abd Mutualib dan Hishamudin Isam (2011) pula memperlihatkan mengenai peribahasa sebagai nilai tambah dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini bukan sahaja dapat memberi pendedahan peribahasa kepada kanak-kanak, malah dapat memberi kanak-kanak ini ruang untuk menikmati wadah warisan Melayu sejak zaman berzaman. Dari pendedahan pada peringkat awal inilah yang dapat memberikan kesempatan kepada kanak-kanak untuk menggunakan peribahasa dalam pembelajaran sehari-hari. Hal ini dapat juga memberi ruang kepada mereka untuk cuba menyelitkan peribahasa dalam kehidupan sehari-hari mereka kerana ibu bapa juga telah mendapat pendedahan sejak awal lagi. Kajian oleh Mashetoh Abd Mutualib dan Hishamudin Isam (2011) juga membincangkan mengenai nilai murni dalam peribahasa yang dapat

diterapkan kepada kanak-kanak pada peringkat awal pendidikan. Ini jelas terbukti apabila kanak-kanak dapat memahami akan nilai tersebut dan telah cuba untuk melakukan perlakuan mengikut makna peribahasa tersebut.

Kajian mengenai peribahasa tidak terhenti di situ sahaja. Kajian oleh Arbak Othman (2011) memperlihatkan peribahasa dan fungsinya dalam kehidupan masyarakat. Mashetoh Abd Mutualib dan Hishamudin Isma (2011) mempunyai dapatan yang hampir sama di mana penglibatan peribahasa dapat memberi ruang kepada masyarakat dalam memahami dan mempraktikkan nilai murni yang terdapat dalam peribahasa tersebut. Walaupun kajian oleh Adenan Ayob (2012) bertumpukan kepada peribahasa yang berunsurkan alam dan tanaman, namun memperlihatkan juga nilai terima kasih yang mana Arbak Othman (2011) menyatakan bahawa setiap peribahasa mempunyai fungsi dalam kehidupan masyarakat termasuklah nilai berterima kasih. Arbak Othman (2011) menyatakan bahawa masyarakat dapat menerima peribahasa Melayu dan telah cuba untuk menyebarkan nilai yang baik dengan cara mengamalkan nilai tersebut. Ini jelas menampakkan satu usaha yang baik ke arah pemartabatan budaya Melayu yang telah diperkenalkan sejak zaman dahulu lagi. Oleh itu, kajian ini dapat memberikan kesan yang baik terhadap semua golongan masyarakat dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka.

Kajian oleh Norhashimah Jalaluddin dan Junainah Kasdan (2010) pula mengkaji peribahasa Melayu dalam kalangan remaja di Malaysia. Oleh sebab peribahasa telah diajar di peringkat sekolah lagi, namun penggunaan peribahasa tersebut dalam kehidupan sehari-hari dititikberatkan terutama dalam kalangan remaja. Ini adalah kerana naluri remaja yang inginkan pembaharuan dan pengaruh dari televisyen serta internet telah melalaikan mereka dalam memahami dan menggunakan peribahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Norhashimah Jalaluddin dan Junainah Kasdan (2010) lagi, remaja perlu diterapkan dengan cara yang baik di mana jika dipaksa remaja ini tidak akan mahu menggunakan atau memahami peribahasa Melayu yang dianggap sebagai sesuai untuk golongan tua sahaja. Ini jelas terbukti di mana menurut Normaliza Abd Rahim (2011), sastera Melayu lama makin dilupakan oleh golongan remaja memandangkan pengaruh yang kuat dari teknologi telah membuatkan sastera ini diketepikan dan dilupakan. Malah terdapat remaja yang malu untuk mengaitkan sastera Melayu dalam kehidupan sehari-hari mereka. Oleh itu, kajian Norhashimah Jalaluddin dan Junainah Kasdan (2010)

berharap supaya kajian akan datang dapat memberi tumpuan kepada golongan remaja ini dalam memberikan mereka kesedaran tentang kepentingan serta pemartabatan peribahasa dalam era teknologi kini.

Selain itu, kajian oleh Amirah Ahmad dan Rozimah Rashidin (2011: 1) memberi fokus kepada terjemahan perkataan ‘air’ dalam peribahasa Melayu-Inggeris dan kajian ini menganalisis dengan menggunakan analisis semantik kognitif. Peribahasa biasanya ditentukan oleh latar belakang budaya, pengalaman dan struktur skema imej pengguna atau penutur kedua-dua bahasa yang terlibat. Kajian ini memberi tumpuan kepada penggunaan perkataan atau simbol ‘air’ dalam peribahasa Melayu kepada peribahasa Inggeris dengan tujuan memperlihatkan kebolehterjemahan simbolisme tersebut dalam bentuk topologi kognitif. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat perbezaan falsafah pemikiran atau kognitif masyarakat Melayu dan Inggeris dalam mengungkapkan sesuatu peribahasa. Analisis kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan pendapat masyarakat Melayu dalam pengungkapan sesuatu peribahasa itu memandangkan budaya dan latar belakang yang amat berbeza. Pemikiran serta pandangan dari dua budaya ini jelas berbeza namun pandangan ini masih dapat difahami dan jelas diperbincangkan (Amirah Ahmad dan Rozimah Rashidin, 2011).

Kajian oleh Hamid Awang et al., (2012) menganalisis kekerapan penyerapan nilai murni dalam pengajaran bahasa Melayu. Kajian ini memberi tumpuan terhadap penyerapan nilai murni kerana nilai murni ini dapat memberikan kesedaran kepada pelajar di sekolah. Pelajar harus diterapkan dengan nilai murni dalam kehidupan sehari-hari supaya mereka sedar akan kepentingan nilai tersebut dalam menghadapi pelbagai cabaran bersama-sama dengan pelajar yang lain serta persekitaran yang kadangkala mempengaruhi pelajar kepada yang baik atau sebaliknya. Menurut Normaliza Abd Rahim (2011), pelajar harus diberikan ruang untuk mengenali diri serta proses ini dianggap penting dalam membina sahsiah diri serta keyakinan diri dalam menghadapi kehidupan bersama-sama rakan, keluarga serta persekitaran. Justeru, kajian Hamid Awang et al. (2012) mempunyai keputusan kajian di mana pengajaran bahasa Melayu di sekolah sememangnya mempunyai penerapan nilai murni. Hal ini supaya pelajar dapat mengingati akan nilai tersebut serta dapat menggunakan nilai murni itu tanpa berasa prasangka akan perlakuan mereka sendiri. Hal ini juga jelas membuktikan bahawa pembelajaran bahasa Melayu di sekolah telah berjaya dalam meninggalkan kesan yang positif terhadap diri pelajar tersebut. Namun yang demikian, adalah diharapkan supaya kajian akan datang dapat menitikberatkan nilai murni pelajar di peringkat prasekolah sehingga ke peringkat sekolah menengah.

Mengikut penyelidikan yang telah dijalankan oleh penyelidik tempatan sebelum ini, tiada lagi kajian mengenai peribahasa dalam kalangan pelajar asing terutamanya pelajar Korea. Justeru, objektif makalah ini adalah untuk mengenal pasti serta membincangkan jenis peribahasa yang mengandungi nilai murni dalam kalangan pelajar Korea.

Metodologi

Enam puluh peribahasa diperkenalkan kepada tiga kelas bahasa Melayu-Indonesia di *Hankuk University of Foreign Studies*. Dari enam puluh peribahasa tersebut, cuma dua puluh peribahasa yang dapat dikenal pasti mempunyai nilai murni dan dapat dikaitkan dengan kehidupan sehari-hari pelajar. Empat puluh peribahasa telah dikenal pasti oleh pelajar tidak mempunyai nilai murni yang berkaitan dengan kehidupan mereka di Korea. Walaupun peribahasa Melayu mempunyai makna yang tersirat dan tersurat, namun pelajar telah dapat mengenal pasti makna peribahasa tersebut dengan budaya dan kehidupan sehari-hari mereka di Korea. Sampel kajian terdiri daripada empat puluh dua pelajar lelaki dan perempuan berumur 22 hingga 27 tahun, berbangsa Korea yang mengambil jurusan bahasa Melayu-Indonesia sebagai bidang major. Pelajar diterangkan mengenai setiap peribahasa tersebut dan mereka telah cuba untuk menggunakan peribahasa dalam ayat sendiri. Pelajar juga dapat memberikan penjelasan yang jelas mengenai peribahasa tersebut dan mereka telah dapat mengenal pasti nilai murni yang terdapat dalam peribahasa. Nilai murni yang dikaitkan dengan peribahasa tersebut telah dikenal pasti penggunaannya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kajian ini mengambil masa selama tiga minggu di mana pelajar mengambil bahagian dalam pengolahan ayat dan perbincangan dalam kumpulan kecil.

Keputusan dan Perbincangan

Pelajar didapati memberikan nilai mudah mesra dalam kalangan ahli keluarga, terutamanya saudara-saudara yang sudah tua serta tinggal jauh dan jarang bertemu. Ini adalah kerana bagi mereka nilai ini penting untuk mengeratkan lagi persaudaraan dan sikap mudah mesra ini menunjukkan seseorang itu tidak sompong dan saling menghormati dengan orang lain, terutamanya dengan saudara-saudara yang lebih tua.

Kesemua 42 pelajar bersetuju akan hal ini di mana sikap mudah mesra ini dapat mengerakkan lagi hubungan kekeluargaan. Oleh itu, peribahasa ‘seperti kunyit dengan kapur’ mempunyai nilai yang baik dalam masyarakat di Korea. Namun, sikap mudah mesra ini tidak boleh dilakukan dengan orang yang tidak dikenali memandangkan perbuatan ini akan membawa kepada kemudarat dan padah kepada anak kecil yang mudah mesra dengan orang yang tidak dikenali. Selain itu, peribahasa ‘Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna’ telah dapat perhatian dari pelajar di mana mereka bersetuju bahawa nilai yang terdapat dalam peribahasa ini, iaitu berfikir dahulu sebelum berbuat sesuatu perkara dapat memberikan impak yang penting dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar dan orang muda. Kesemua 42 pelajar menyatakan bahawa peribahasa ini dapat memberi mereka ruang untuk sentiasa berwaspada dalam membuat sesuatu perkara dan tidak terburu-buru untuk membuat keputusan. Ini adalah penting dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar, anak kepada ibu bapa serta ahli dalam masyarakat. Nilai ini amat berguna untuk diperaktikkan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Nilai usaha dengan bersungguh-sungguh serta berkerjasama juga terdapat dalam peribahasa seperti peribahasa ‘Sedikit-sedikit lama jadi bukit’, ‘Sehari selembar benang, lama-lama menjadi kain’, ‘Bukit sama didaki, lurah sama dituruni’, ‘Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya’, ‘Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian’ dan ‘Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang’. Peribahasa di atas jelas menunjukkan bahawa setiap manusia itu harus berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai apa yang dihajati. Oleh hal yang demikian, mereka haruslah menunjukkan kesungguhan dalam diri. Kesemua 42 pelajar telah memberikan pernyataan bahawa peribahasa di atas dapat memberikan nilai yang baik dalam diri mereka serta mereka dapat melakukan nilai ini bersama ahli keluarga dan rakan. Peribahasa ini juga dapat memberikan panduan serta nasihat kepada pelajar dalam mengingati tentang kehidupan manusia yang memerlukan usaha dalam sesuatu perkara itu. Pelajar juga menyatakan bahawa peribahasa ini dapat memberikan mereka ruang untuk berusaha serta mereka dapat membantu ahli keluarga serta rakan terdekat dalam menghadapi dunia sebenar yang memerlukan usaha. Selain itu, nilai bekerjasama juga dititik beratkan di mana pelajar haruslah menghargai nilai kerjasama ini (Normaliza Abd Rahim, 2011) untuk mendapat keputusan yang baik di mana kerjasama bersama rakan di dalam kuliah dapat memberikan ruang

kepada mereka untuk memperbaiki diri serta membantu rakan yang lain. Dalam keluarga pula, sikap bekerjasama ini dijelaskan sebagai satu perkara yang harus di mana keakraban di antara ahli keluarga akan lebih nampak dengan adanya sikap atau nilai bekerjasama ini.

Peribahasa yang melibatkan perpaduan serta kata sepakat dalam masyarakat juga dapat memberikan nilai yang baik terhadap pelajar. Peribahasa seperti ‘Bersatu teguh, bercerai roboh’, ‘Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat’, ‘Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak’, dan ‘Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung’. Peribahasa di atas jelas menunjukkan nilai perpaduan serta bekerjasama dalam masyarakat. Kesemua pelajar menyatakan bahawa peribahasa di atas dapat memberi kesedaran kepada mereka dalam pergaulan dalam masyarakat di kampung mereka. Majoriti dari pelajar ini berasal dari kampung, justeru mereka dapat merasakan bahawa perpaduan serta kata sepakat dapat merapatkan lagi hubungan di antara mereka dan sikap saling hormat menghormati serta tolong-menolong dapat diterapkan dalam diri mereka. Pelajar juga dapat bahawa mereka haruslah dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat (Normaliza Abd Rahim, 2011) di tempat mereka memandangkan menyesuaikan diri ini dapat memberikan kesan yang positif di mana mereka dapat membantu dalam peningkatan diri masyarakat di tempat mereka. Ini jelas terbukti dalam peribahasa ‘Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak’ di mana pelajar haruslah belajar untuk menyesuaikan diri dalam segala keadaan di tempat mereka dan ini dapat membantu masyarakat lain dalam menangani masalah yang akan timbul. Peribahasa di atas sedikit sebanyak dapat memberi petunjuk kepada pelajar dalam menyesuaikan diri dalam masyarakat yang mereka kenali sejak lahir ataupun masyarakat yang mereka baru kenali. Hal ini dapat membantu mereka dalam mengenali masyarakat lain yang baru berpindah ke kawasan tersebut. Nilai murni ini dapat dipupuk sejak kecil lagi dan dapat memberikan satu sifat yang baik dan dijadikan contoh bagi anak-anak kecil (Nor Hashimah Jalaluddin, 1998; Normaliza Abd Rahim, 2011). Justeru, pelajar menyatakan bahawa peribahasa yang melibatkan perpaduan dan kata sepakat serta penyesuaian diri dalam masyarakat dapat membantu bukan sahaja diri pelajar itu malahan terhadap masyarakat sekeliling.

Nilai murni yang lain dalam peribahasa adalah seperti nilai baik, berhati-hati, sama rata, serta bersedia merupakan nilai yang perlu diingati oleh pelajar memandangkan kadang kala mereka terlupa akan nilai ini kerana kesibukan belajar dan kehidupan mereka yang penuh

dengan perkara lain. Oleh itu, peribahasa ini dapat memberikan mereka kesedaran dan nilai baik ini dapat diterapkan dalam diri mereka dan disebarluaskan melalui perlakuan kepada ahli keluarga yang lain serta rakan-rakan. Hal ini jelas dinyatakan oleh pelajar di mana mereka telah cuba untuk berbuat baik dengan nilai baik seperti peribahasa ‘Minyak setitik di laut timbul juga’ di mana orang baik tetap mulia walaupun di mana sahaja berada. Peribahasa ini jelas dapat membuatkan mereka terfikir akan perlakuan mereka yang lalu dan mereka merasakan bahawa jika mereka mempunyai hati yang baik, mereka akan peroleh perasaan yang senang dan membuatkan ibu bapa serta ahli keluarga yang lain gembira akan perlakuan mereka itu. Kesemua pelajar bersetuju dalam hal ini memandangkan mereka juga mahukan ibu dan bapa mereka bangga akan sikap mereka yang baik itu. Selain itu, nilai berhati-hati semasa bercakap juga mempunyai kepentingan dalam kehidupan mereka. Hal ini dijelaskan dalam peribahasa ‘Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar’ yang mana mereka merasakan apabila mereka bercakap dengan menggunakan perkataan dan ayat yang tidak baik didengar, rakan dan ahli keluarga akan berasa kecil hati dan ini akan mengakibatkan perasaan tidak senang terhadap mereka. Oleh itu, melalui peribahasa ini, pelajar mendapati bahawa mereka haruskan sentiasa berhati-hati apabila memberi ujaran terutama kepada ibu dan bapa mereka (Bahiyyah Abdul Hamid dan Hafriza Burhanudeen, 1998). Ada di antara pelajar menyatakan bahawa kadang kala mereka terlepas cakap dan ini telah mengakibatkan ibu dan bapa mereka berasa kecewa dan menangis. Setelah berlaku sedemikian, mereka berasa kesal akan perbuatan mereka itu lantas mereka memohon maaf atas kesilapan mereka itu. Oleh itu, mereka haruslah berwaspada dan mengikut peribahasa tersebut untuk berhati-hati semasa bercakap. Kesemua 42 pelajar bersetuju bahawa sebelum bercakap haruslah berfikir terlebih dahulu.

Selain itu, terdapat nilai berbentuk nasihat kepada diri sendiri serta masyarakat di sekeliling. Peribahasa seperti ‘Sediakan payung sebelum hujan’, ‘Membujur lalu melintang patah’, dan ‘Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang’ dapat memberikan pengajaran kepada pelajar di mana pelajar dapat mengaitkan peribahasa ini dalam kehidupan sehari-hari mereka. Majoriti dari pelajar mendapati bahawa mereka harus berusaha sehingga berjaya walaupun mereka harus menghadapi rintangan yang besar serta mencabar. Hal ini jelas diperkatakan dalam peribahasa ‘Membujur lalu, melintang patah’ di mana dalam kehidupan sebagai pelajar universiti, mereka haruslah menghadapi rintangan hidup seperti masalah kewangan,

tugasan yang banyak serta masalah dengan rakan yang lain dan mereka haruslah hadapi masalah tersebut dengan bersikap positif dan berusaha untuk menangani masalah tersebut dengan hati yang terbuka. Cara ini dapat memberikan mereka ruang untuk lebih bersikap positif serta akan berjaya dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar. Selain itu, pelajar juga mendapat bahawa peribahasa di atas dapat dikaitkan dengan mereka di mana mereka harus bersedia di dalam kelas dan ini berkaitan dengan peribahasa ‘Sediakan payung sebelum hujan’ di mana pelajar haruslah bersedia sebelum masuk ke kuliah serta sentiasa bersedia dalam apa jua masalah yang bakal dihadapi. Majoriti dari pelajar bersetuju bahawa mereka harus sentiasa bersedia dan tidak mudah mengalah dalam cabaran yang bakal dihadapi pada setiap hari dalam kehidupan sebagai seorang pelajar. Pelajar juga menyatakan bahawa mereka tidak boleh terima apa sahaja yang diberi tanpa usaha kerana mereka tidak berpuas hati dengan cara sebegini. Pelajar lebih rela untuk berusaha dengan bersungguh untuk mendapatkan apa yang dihajati (Mashetoh Abd Mutualib dan Hishamudin Isam, 2011). Hal ini jelas diperbincangkan dalam peribahasa ‘Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang’ di mana pelajar merasakan bahawa harus berusaha untuk mendapatkan apa yang dihajati dan bukan dengan cara yang mudah seperti membuat perkara yang tidak dibenarkan. Majoriti dari pelajar telah dapat memberikan contoh dari peribahasa ini dengan menyatakan bahawa jika mereka inginkan telefon bimbit yang baharu, mereka haruslah membuat kerja sambilan dan bukan dengan cara meminta duit dari ibu dan bapa di kampung. Hal ini terbukti bahawa pelajar amat memahami erti peribahasa ini dan mereka berasa selesa dengan usaha yang telah mereka tunjukkan untuk peroleh kejayaan.

Peribahasa yang melibatkan kehidupan semasa kecil dapat dikaitkan dengan peribahasa ‘Melentur buluh biarlah daripada rebungnya’. Peribahasa ini jelas diperbincangkan oleh pelajar di mana mereka merasakan bahawa ibu bapa mereka telah melatih perkara yang baik kepada mereka sejak kecil lagi dan mereka merasakan bahawa kejayaan mereka memasuki universiti adalah dari usaha ibu dan bapa mereka yang melatih dan membimbing mereka sejak dari kecil lagi. Mereka berasa bersyukur kerana mempunyai ibu dan bapa sebegitu dan mereka juga ingin berbuat demikian bersama dengan anak-anak mereka nanti. Selain itu, ibu bapa mereka juga membimbing anak mereka sejak dari kecil lagi untuk berkongsi serta membahagi sama rata barang yang mereka ada bersama ahli keluarga yang lain. Hal ini jelas diperbincangkan oleh pelajar melalui

peribahasa ‘Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah’ di mana pelajar diajar untuk berkongsi dan tidak tamak dengan apa yang mereka ada. Pelajar mendapat bahawa apa yang telah mereka lakukan sejak kecil dapat diperaktikkan sehingga kini apabila mereka boleh berkongsi pengetahuan bersama rakan mereka yang lain apabila terdapat perbincangan dalam kumpulan ataupun semasa aktiviti kuliah sedang berjalan. Pelajar juga mendapat bahawa dengan nilai murni ini, mereka dapat peroleh pengetahuan dari rakan mereka yang lain kerana mereka menyatakan bahawa rakan mereka juga mengamalkan sikap yang baik ini. Oleh itu, peribahasa ini dapat memberikan kesan yang baik (Nohashimah Jalaluddin, 1998; Indrawati Zahid, 1998; Mashetoh Abd Mutualib dan Hishamudin Isam, 2011) terhadap pelajar, ahli keluarga serta masyarakat yang lain dalam menghadapi kehidupan seharian mereka.

Sebagai rumusan dari keputusan dan perbincangan di atas, adalah jelas menunjukkan bahawa pelajar memahami akan peribahasa tersebut dan dapat mengaitkan peribahasa tersebut dalam diri, keluarga serta masyarakat sekeliling dalam kehidupan seharian. Nilai yang terdapat dalam peribahasa Melayu ini dapat memberikan kesan yang positif kepada pelajar Korea memandangkan mereka baru diperkenalkan dengan peribahasa Melayu ini dan melalui peribahasa ini, pelajar dapat melihat dan mengingat kembali akan kehidupan mereka dengan menilai diri sendiri. Oleh itu, nilai murni yang terdapat dalam peribahasa ini dapat dititik beratkan dan disebarluaskan kepada ahli keluarga yang lain. Keputusan kajian ini hampir dengan kajian yang dilakukan oleh Arbak Othman (2011) dan Norhashimah Jalaluddin dan Junainah Kasnan (2010) di mana peribahasa mempunyai fungsi dalam kehidupan masyarakat. Kajian ini mempunyai dapatan yang sama dengan Hamid Awang et al. (2012) di mana nilai murni harus diterapkan dalam pembelajaran. Hal ini jelas terbukti bahawa nilai murni yang terdapat dalam peribahasa dapat membantu masyarakat dalam menghadapi dunia yang mencabar serta masyarakat sekeliling yang mempunyai pemikiran yang berbeza.

Kesimpulan

Kajian ini dapat memberi manfaat kepada pelajar Korea yang mempelajari bahasa Melayu dan budaya Melayu di mana peribahasa merupakan salah satu cara untuk menyampaikan nilai murni ini. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada penyelidik dalam

membuat penyelidikan mengenai pelajar Korea yang mempelajari budaya lain dan mencari persamaan dan perbezaan budaya dua negara tersebut melalui nilai murni dalam peribahasa Melayu. Adalah diharapkan supaya kajian akan datang dapat memberi tumpuan kepada peribahasa Melayu lain dari aspek nilai estetika dan mencari perbezaan dan persamaan nilai tersebut dengan negara sendiri.

Penghargaan:

Kajian ini dibiayai oleh *Hankuk University of Foreign Studies Research Fund 2012*

Rujukan

- Adenan Ayob, 2012. Kajian Fungsi Peribahasa Berunsurkan Manifestasi Alam dan Tanaman. *Jurnal Bahasa Brunei*. JB Bil 25 Jan-April 2012. 46-62
- Amirah Ahmad dan Rozaimah Rashidin, 2011. Terjemahan ‘Air’ dalam Peribahasa Melayu-Inggeris: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik*. Jilid 13 JUN pp. 1-12
- Arbak Othman, 2011. Peribahasa dan Fungsinya dalam Kehidupan Masyarakat. *Jurnal Bahasa Brunei*. JB BIL. 23 Mei - Ogos 2011. 87-114
- Bahiyah Dato Hj. Abdul Hamid dan Hafriza Burhanudeen, 1998. Men and Women in Malay Proverb: An Analysis of Malay Gender Ideology. Dalam Sharifah Zaleha Syed Hassan dan Rashila Ramli. ed. *Kedudukan dan citra wanita dalam sumber-sumber tradisional Melayu*. Bangi: UKM.
- Harun Mat Piah, 1989. *Puisi Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamid Awang, Mohd Ra'in Shaari, Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Zaharani Ahmad, 2012. Analisis Kekerapan Penyerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa Brunei*. JB. Bil. 25. 91-115
- Indrawati Zahid, 1998. Peribahasa Melayu: Satu Klasifikasi yang Tiada Penentu. *Jurnal Bahasa*, Jilid 42, (11), 978-984
- Mashetoh Abd Mutualib dan Hishamudin Isam, 2011. Peribahasa sebagai Nilai Tambah dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. *Jurnal Bahasa Brunei*. JB. BIL.24 September-Disember 2011, 116-128

- Normaliza Abd Rahim, 2011. Penerapan Nilai Sosial Melalui Lakonan Cerita dalam Kalangan Pelajar Sindrom Asperger. *Jurnal Sains Sosial dan Pengurusan Teknologi UMP*. vol. 3. 25- 34
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1998. Peribahasa Melayu Sebagai Bingkai Pemikiran Masyarakat Melayu. *Jurnal Bahasa*, Jilid 32, (11), 820-830
- Norhashimah Jalaluddin dan Junainah Kasdan, 2010. Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*. Jilid 10 (Edisi Khas), 158-172
- Za'ba, 1962. *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba, 1965. *Ilmu mengarang Melayu*. (Edisi Kedua) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lampiran

Senarai Peribahasa

1. Seperti kunyit dengan kapur
2. Seperti kera kena belacan
3. Seperti kera dengan monyet
4. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna
5. Laksana mengajar anak harimau
6. Lembut gigi daripada lidah
7. Lembu punya susu, sapi dapat nama
8. Melentur buluh biarlah daripada rebungnya
9. Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai
10. Bersatu teguh, bercerai roboh
11. Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
12. Minyak setitik di laut timbul juga
13. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat
14. Untung anak lelaki cari-carikan, untung anak perempuan nanti-nantikan
15. Bagai ikan pulang ke lubuk
16. Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit
17. Bak cendawan tumbuh selepas hujan
18. Yang kita kejar tak dapat, yang kita kendong pula berciciran
19. Biar mati anak, jangan mati adat
20. Sediakan payung sebelum hujan
21. Bagai kucing dibawakan lidi
22. Kerbau dicucuk hidung
23. Seperti lembu dicucuk hidung
24. Seperti ikan pulang ke lubuk
25. Sikit-sikit, lama-lama jadi bukit
26. Seperti katak disimbah air

27. Bagaikan kumbang putus talinya
28. Sekilas ikan di air, sudah tahu jantan betina
29. Biar putih tulang, jangan putih mata
30. Bagai mengebat erat, membuhul mati
31. Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air
32. Yang lama dikelek, yang baharu didukun
33. Bagai kaca terhempas ke batu
34. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat
35. Bagai aur dengan tebing
36. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
37. Bara yang digenggam biar sampai jadi arang
38. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri
39. Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi
40. Indah khabar daripada rupa
41. Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
42. Bukit sama didaki, lurah sama dituruni
43. Kacang lupakan kulit
44. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
45. Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
46. Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua
47. Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
48. Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian
49. Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang
50. Untung anak lelaki cari-carikan, untung anak perempuan nanti-nantikan
51. Bagai ikan pulang ke lubuk
52. Bak cendawan tumbuh selepas hujan
53. Sudah beruban baru berguam
54. Ubat jauh penyakit hampir
55. Ada ubi ada talas, ada budi ada balas
56. Udang merentak dalam tangguk
57. Bagai udang dalam tangguk
58. Uir-uir minta getah
59. Diuji sama merah, ditahil sama berat
60. Ukur badan di baju sendiri